

*Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Jawab semua soalan.*

**Bahagian A - Soalan Objektif**

Bulatkan jawapan yang paling tepat.

1. Seksualiti ialah kesedaran kita terhadap perubahan pada \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.  


I      fizikal	III      persekitaran
II      tingkah laku	IV      sistem reproduktif

A.      I, II dan III	C.      I, III dan IV
B.      I, II dan IV	D.      II, III dan IV
  
2. Seseorang yang mengalami tekanan akan menunjukkan keadaan seperti berikut **kecuali**  

A.      gembira	C.      geram
B.      murung	D.      marah

**Soalan 3** berdasarkan gambar di bawah.



3. Perubahan fizikal semasa proses \_\_\_\_\_ juga boleh mempengaruhi emosi dan tingkah laku seseorang remaja.  

A.      pembelajaran	C.      kematangan
B.      keremajaan	D.      ketuaan
  
4. Berikut adalah penyakit-penyakit yang tidak berjangkit **kecuali**  

A.      diabetes	C.      kepialu
B.      jantung	D.      asma

**Soalan 5** berdasarkan rajah di bawah.

- Taat kepada ibu bapa
- Bersikap baik dengan adik-beradik
- Bekerjasama

5. Pernyataan di atas merupakan peranan sokongan remaja dalam \_\_\_\_\_.

- |             |               |
|-------------|---------------|
| A. sekolah  | C. masyarakat |
| B. keluarga | D. negara     |

**Soalan 6** berdasarkan rajah di bawah.


“Tahniah, Maniam! Kami bangga dengan keputusan ini”, kata En. Murugan kepada anaknya.

“Dapat B lagi.  
Saya sangkakan semuanya A.”

6. Apakah yang dapat kamu gambarkan tentang perasaan yang dialami dalam dialog di atas?

- |    |             |     |            |
|----|-------------|-----|------------|
| I  | gembira     | III | kecewa     |
| II | tersinggung | IV  | geram      |
| A. | I dan II    | C.  | III dan IV |
| B. | I dan III   | D.  | II dan III |

**Soalan 7** berdasarkan gambar di bawah.



7. Makanan seperti roti dan nasi mengandungi \_\_\_\_\_.

- |    |             |    |         |
|----|-------------|----|---------|
| A. | karbohidrat | C. | protein |
| B. | vitamin     | D. | lemak   |

8. Makanan seimbang ialah makanan yang \_\_\_\_\_.

A. lengkap kandungan zat besi  
B. lengkap kandungan karbohidrat  
C. lengkap kandungan kalsium  
D. lengkap kandungan nutrient

9. Makanan seperti jeruk, keropok atau makanan ringan banyak mengandungi \_\_\_\_\_.  
A. bahan mudah hadam  
B. bahan yang berkhasiat  
C. bahan pewarna dan perasa tiruan  
D. bahan beracun

10. Makanan yang perlu kita makan dengan kadar sedikit adalah daripada jenis \_\_\_\_\_.  
A. vitamin C. protein  
B. lemak D. karbohidrat

11. Apakah penyakit yang disebarluaskan oleh virus melalui titisan lembapan seperti bersin atau batuk?  
A. campak C. rubella  
B. cacar D. kepialu

12. Pilih urutan merawat luka kecil yang betul.  
I sapukan antiseptik  
II sapukan ubat luka  
III cuci luka dengan air bersih  
IV tampalkan plaster bagi menutup luka  
A. III, I, II, IV C. II, III, I, IV  
B. I, II, III, IV D. IV, I, II, III

13. Jenis penyakit manakah yang berkaitan dengan simptom yang berikut?

Ruam berwarna ungu di belakang telingan dan di atas kening

A. cacar C. rubella  
B. campak D. beguk

14. Berdasarkan pernyataan berikut, nyatakan perkhidmatan dan keselamatan yang berkaitan.

- Memadamkan kebakaran
  - Penyeliaan keselamatan bangunan

- |    |                  |    |             |
|----|------------------|----|-------------|
| A. | klinik kesihatan | C. | hospital    |
| B. | balai polis      | D. | balai bomba |

**Soalan 15** berdasarkan gambar di bawah.



15. Gambar di atas menunjukkan sebuah keluarga yang bahagia. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengeratkan perhubungan yang harmoni dalam keluarga?

A. bertolak ansur dan saling memahami  
B. bergaduh dan berselisih faham  
C. tidak suka bercampur dengan ahli keluarga  
D. menyendiri

16. Antara pernyataan berikut merupakan simptom bagi penyakit beguk, **kecuali**

A. hilang selera makan C. demam ringan  
B. Bengkak pada kelenjar liur D. batuk

17. Mengapa kita perlu berhati-hati apabila memberikan maklumat peribadi kepada orang lain?

A. mudah berkenalan C. mendedahkan identiti diri  
B. menjaga keselamatan diri D. meningkatkan gejala sosial

18. Apakah itu melecet?

- A. terjadi akibat terjatuh
- B. terjadi akibat daripada kekerapan berlaku geseran di antara lapisan epidermis kulit
- C. kecederaan kulit tisu
- D. luka terkena benda tajam

**Soalan 19** berdasarkan gambar di bawah.



19. Nyatakan kepentingan mengambil pelbagai jenis makanan.

- I membina tumbesaran yang sempurna
  - II mengekalkan berat badan seimbang
  - III mencegah obesiti
  - IV menambah selera makan
- |               |                  |
|---------------|------------------|
| A. I dan II   | C. I, II dan III |
| B. II dan III | D. III dan IV    |

20. Apakah fungsi faraj pada sistem reproduktif perempuan?

- |                        |                               |
|------------------------|-------------------------------|
| A. tempat persenyawaan | C. menerima sperma dari zakar |
| B. menghasilkan hormon | D. tempat fetus membesar      |

21. Berdasarkan menu di bawah, yang manakah merupakan menu makanan seimbang untuk sarapan pagi?

- |                               |                                |
|-------------------------------|--------------------------------|
| A. bijirin, susu, coklat      | C. burger, roti, air buah      |
| B. susu, roti dan telur rebus | D. telur, kentang goreng, susu |

22. Ibu dan bapa Salleh selalu bertengkar, menyebabkan Salleh tertekan dan stress. Apakah yang perlu Salleh lakukan?
- A. mendiamkan diri  
B. bergaduh sekali  
C. berkongsi masalah dengan orang yang boleh dipercayai  
D. menangis sahaja
23. Antara berikut merupakan kesan konflik dan stress, **kecuali**
- A. gangguan kesihatan  
B. cepat marah  
C. gembira  
D. putus asa
24. Berikut merupakan jenis penyakit berjangkit, **kecuali**
- A. penyakit cacar  
B. penyakit beguk  
C. penyakit rubella  
D. penyakit demam

**Soalan 25** berdasarkan gambar di bawah.




25. Apakah keburukan hubungan secara maya?
- A. dapat berkongsi maklumat  
B. dapat berhubung  
C. penyamaran  
D. berkongsi pengalaman
26. Mengapakah kita dilarang menyapu minyak pada tempat yang melecur?
- A. cepat sembah  
B. menyebabkan jangkitan  
C. luka lambat sembah  
D. luka menjadi bernanah

27. Nyatakan bahan yang boleh dikategorikan sebagai bahan inhalan.
- A. ubat gegat, pengilat kuku dan gam  
B. gam, kapur dan cuka  
C. gula, bahan perasa dan ubat gegat  
D. thinner, pengilat kuku dan sabun
28. \_\_\_\_\_ dapat membantu remaja dalam menangani masalah konflik dan stress alam remaja.
- A. bergaul dengan rakan  
B. menjaga kebersihan dan kesihatan  
C. berkongsi masalah dengan keluarga  
D. bercerita kepada orang yang tidak dikenali
29. Antara berikut, yang manakah **bukan** kesan jangka panjang penyalahgunaan bahan inhalan?
- A. kerosakan sel-sel otak C. nafas tidak sekata  
B. gangguan penglihatan D. kematian mengejut
30. Aktiviti berikut boleh menyebabkan kesan melecur **kecuali**
- A. berjemur di tengah panas terik  
B. terkena pisau ketika menghiris  
C. terkena minyak panas  
D. terkena air panas

(30 markah)

**Bahagian B - Soalan Subjektif****Soalan 1**

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



1. Kita harus memupuk semangat \_\_\_\_\_ antara ahli keluarga.
2. Kita harus \_\_\_\_\_ apabila memberikan pertolongan.
3. \_\_\_\_\_ dalam masyarakat harus dipatuhi.
4. Menolong orang buta melintas jalan raya adalah amalan yang \_\_\_\_\_.
5. Rakyat Malaysia terkenal dengan sikap \_\_\_\_\_ santun dan \_\_\_\_\_ bahasa.
6. \_\_\_\_\_ adalah cara terbaik untuk membersihkan kawasan penempatan.
7. Apabila berbuat salah, minta \_\_\_\_\_ dengan segera.
8. Remaja harus \_\_\_\_\_ membawa diri dan bergaul dalam masyarakat.
9. Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan memupuk rasa \_\_\_\_\_.
10. Pembangunan diri remaja menjadi teras \_\_\_\_\_ negara.

(10 markah)

**Soalan 2**

Tuliskan **BETUL** atau **SALAH** bagi pernyataan berikut.

<b>Bil.</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>Betul / Salah</b>
1	Berbual sehingga larut malam.	
2	Berkongsi ilmu dengan rakan yang berada jauh melalui laman sosial.	
3	Menyebarluaskan fitnah keburukan orang lain.	
4	Menjimatkan masa untuk berhubung dengan rakan.	
5	Dapat mengeratkan silaturahim dengan rakan lain.	
6	Leka dan lalai ketika melayari laman sosial.	
7	Dapat menjalin persahabatan dengan pelbagai bangsa dan mengenali budaya mereka.	
8	Memburukkan budaya sesuatu bangsa atau kaum.	
9	Memperkenalkan budaya negara dan bangsa serta keindahan negara.	
10	Mendedahkan maklumat diri yang boleh menyebabkan bahaya.	

~ SOALAN TAMAT ~

(10 markah)

**SKEMA JAWAPAN**Bahagian A – Soalan Objektif

1. B
2. A
3. B
4. C
5. B
6. B
7. A
8. D
9. C
10. D
11. C
12. A
13. B
14. D
15. C
16. A
17. B
18. B
19. C
20. C
21. B
22. C
23. C
24. C
25. D
26. B
27. A
28. C
29. C
30. B

Bahagian B – Soalan Subektif

## Soalan 1

- |                   |                  |
|-------------------|------------------|
| 1. kerjasama      | 6. Gotong-royong |
| 2. ikhlas         | 7. maaf          |
| 3. Norma          | 8. pandai        |
| 4. mulia          | 9. rendah diri   |
| 5. sopan, berbudi | 10. kemajuan     |

**Soalan 2**

1. salah
2. betul
3. salah
4. betul
5. betul
6. betul
7. betul
8. salah
9. betul
10. salah